

Rujukan Kami (*Our Ref*) : UMP.02.01/10.12/2/1 (20)
Tarikh : Jun 2017

Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

Tuan/Puan,

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 3 TAHUN 2017:
ARAHAN CUTI REHAT WAJIB PADA 28 JUN 2017 (RABU) KEPADA SEMUA STAF
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN
1438H / 2017M

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 3 Tahun 2017 mengenai Arahan Cuti Rehat Wajib Pada 28 Jun 2017 (Rabu) Kepada Semua Staf Universiti Malaysia Pahang Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438H / 2017M untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(HARYANI BINTI ABDULLAH)
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p.: Pendaftar



PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 3 TAHUN 2017

ARAHAN CUTI REHAT WAJIB PADA 28 JUN 2017 (RABU) KEPADA SEMUA STAF UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SEMPERNA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 1438H / 2017M

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai keputusan Universiti untuk mewajibkan Cuti Rehat Wajib bersempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438H / 2017M kepada semua staf Universiti Malaysia Pahang (UMP).

LATARBELAKANG

2. Mulai tahun 2011 dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah mula melaksanakan Cuti Rehat Wajib kepada semua staf UMP bersempena Cuti Umum yang panjang.
3. Pelaksanaan Cuti Rehat Wajib tersebut adalah bertujuan untuk mengelakkan pembaziran tenaga elektrik terutamanya melalui penggunaan pendingin hawa, lampu dan sebagainya memandangkan staf yang tidak memohon cuti dan dijangkakan bekerja pada tarikh yang telah dikenalpasti adalah pada jumlah yang sangat kecil.

PELAKSANAAN

4. Bersempena Hari Raya Aidilfitri tahun 1438H / 2017M, yang bakal disambut pada 25 Jun 2017 (Ahad), Pihak Pengurusan Universiti telah memutuskan agar **28 Jun 2017 (Rabu)** diisytiharkan sebagai **Cuti Rehat Wajib** kepada semua staf UMP. Keputusan ini adalah selaras dengan hasil kaji selidik yang telah dilaksanakan mulai 6 Jun 2017 hingga 12 Jun 2017 dan Cuti Rehat Wajib tersebut akan menggunakan kalayakan cuti rehat yang berkecukupan pada tahun semasa.
5. Selain daripada itu, Pihak Pengurusan Universiti juga telah bersetuju untuk memberikan **pelepasan awal** kepada semua staf UMP pada **23 Jun 2017 (Jumaat)** bagi membolehkan semua staf merancang perjalanan dengan baik dan seterusnya, dengan harapan agar risiko berlakunya kemalangan jalan raya berkurangan. Staf adalah dibenarkan untuk meninggalkan UMP mulai jam 12.15 tengah hari.
6. Walau bagaimanapun, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan Universiti ataupun staf yang diarahkan bertugas pada waktu

berkenaan oleh Ketua Jabatan di atas faktor-faktor kepentingan Universiti, diberi pengecualian daripada pelepasan awal pada 23 Jun 2017 (Jumaaat) dan daripada diwajibkan mengambil Cuti Rehat pada 28 Jun 2017 (Rabu).

7. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan universiti ini tidak terjejas berikutan semua staf diarah mengambil Cuti Rehat pada tarikh tersebut, semua talian telefon Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan dipusatkan ke Bahagian Keselamatan UMP (09-5492515) untuk menjawab panggilan dan pertanyaan daripada pihak luar.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

8. Dalam melaksanakan dasar Cuti Rehat Wajib ini dan penguatkuasaannya dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang, semua Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:
 - 8.1. Semua staf dikehendaki mengambil cuti rehat pada tarikh tersebut kecuali staf yang bertugas atas faktor kepentingan perkhidmatan atau berkaitan keselamatan universiti sahaja diberi pengecualian dari dasar Cuti Rehat Wajib ini; dan
 - 8.2. Keselamatan pejabat serta langkah-langkah penjimatan dilaksanakan seperti memastikan semua akses ke jabatan berada di dalam keadaan terkunci sebelum ditinggalkan, pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup sebelum bercuti panjang.

TANGGUNGJAWAB STAF

9. Dalam melaksanakan dasar Cuti Rehat Wajib ini dan penguatkuasaannya dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang, semua staf adalah dikehendaki untuk mengambil tindakan seperti berikut:
 - 9.1. Semua staf adalah bertanggungjawab untuk membuat permohonan Cuti Rehat bagi tarikh Cuti Rehat Wajib yang telah ditetapkan melalui *ecommunity*.
 - 9.2. Staf adalah bertanggungjawab untuk merekodkan daftar masuk dan keluar pada 23 Jun 2017 (Jumaat) melalui sistem kehadiran staf UMP.
 - 9.3. Menjaga keselamatan pejabat serta melaksanakan langkah-langkah penjimatan seperti memastikan semua akses ke jabatan berada di dalam keadaan terkunci sebelum ditinggalkan, pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup sebelum bercuti panjang.


TARIKH KUATKUASA

10. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekelliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p.: Pendaftar

Tarikh : Jun 2017

Edaran kepada:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**JABATAN PENDAFTAR
KELULUSAN SECARA PENTADBIRAN
CADANGAN CUTI WAJIB PERISTIWA SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
1438H/2017M
KEPADA STAF DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
OLEH YH. NAIB CANSOLOR**

Daripada : Abd. Hamid bin Majid Pendaftar	Kepada : YH. Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim Naib Cansolor
Dokumen disediakan oleh :	Siti Sakinah binti Mohtar Penolong Pendaftar (Perkhidmatan dan Saraan)
Tarikh :	13 Jun 2017
Punca kuasa :	Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 11 Tahun 2011 Arahan Mewajibkan Cuti Rehat Sempena Hari Raya Aidilfitri

1. Latar belakang

- i. Cuti Hari Raya Aidilfitri tahun 1438H / 2017M telah dijadualkan pada 26 dan 27 dan 28 Jun 2017 (Ahad, Isnin dan Selasa).
- ii. Oleh yang demikian, sebagai salah satu inisiatif bagi melancarkan operasi di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengambil satu inisiatif untuk melaksanakan satu kaji selidik, perancangan cuti staf UMP di sepanjang minggu perayaan bagi membolehkan perjalanan kerja di UMP dapat dilakukan dengan lebih teratur serta agar dapat mengurangkan pembaziran tenaga daripada berlaku melalui penggunaan tenaga secara tidak terancang.
- iii. Sebanyak 57% staf UMP telah memberi maklum balas ke atas kaji selidik tersebut dan hasil kaji selidik adalah seperti berikut:

Opsyen	Keretangan	Peratus Permohonan
Opsyen A	1 Hari Cuti Wajib 28 Jun 2017 (Rabu) Jumaat pelepasan awal , balik jam 12.15 tengahari	19.35%

Opsyen B	3 Hari Cuti Wajib 28 Jun 2017 (Rabu) 29 Jun 2017 (Khamis) 30 Jun 2017 (Jumaat) 23 Jun 2017 (Jumaat) pelepasan awal , balik jam 12.15 tengahari	46.27%
Opsyen C	2 Hari Cuti Wajib 23 Jun 2017 (Jumaat) 28 Jun 2017 (Rabu)	6.35%
Opsyen D	4 Hari Cuti Wajib 23 Jun 2017 (Jumaat) 28 Jun 2017 (Rabu) 29 Jun 2017 (Khamis) 30 Jun 2017 (Jumaat)	21.17%
Opsyen E	Tidak mewajibkan sebarang Cuti Rehat Wajib	6.85%

Hasil Kaji Selidik sehingga 9 Jun 2017

- iv. Semakan ke atas rekod permohonan Cuti Rehat sehingga 2 Jun 2017 mendapati seramai 67% staf telah membuat permohonan dan hasil dapatan mendapati;
- a) Peratusan staf bercuti mengikut tarikh:

Tarikh	Hari	Peratusan
28 Jun 2017	Rabu	66.7%
29 Jun 2017	Khamis	61.7%
30 Jun 2017	Jumaat	59.09%

Peratusan staf bercuti mengikut tarikh.

- b) Peratusan staf bercuti mengikut kumpulan tarikh:

Kumpulan Tarikh	Hari	Peratusan
28, 29 & 30 Jun 2017	28, 29 & 30 Jun 2017	58.37%
28 Jun 2017	28 Jun 2017	5.28%
28 & 29 Jun 2017	28 & 29 Jun 2017	0.83%

Peratusan staf bercuti mengikut tempoh.

- c) Daripada peratusan di atas, didapati bahawa majoriti (sebanyak 58.37%) staf memilih untuk bercuti pada 28, 29 dan 30 Jun 2017 (Rabu, Khamis dan Jumaat). Ia adalah selari dengan hasil kaji selidik yang dilakukan (mencatatkan sebanyak 67.38%). Perbezaan peratusan antara hasil kaji selidik dan permohonan cuti boleh disimpulkan bahawa ia adalah disebabkan oleh jumlah pegawai yang tidak memiliki Cuti Rehat semasa yang mencukupi

atau pegawai yang masih belum memohon atas sebab perancangan perjalanan kerja di peringkat jabatan yang belum dapat disahkan.

2. Syor Urusetia

- i. Pihak Pengurusan adalah dipohon untuk memilih diantara tiga opsyen yang telah disediakan iaitu:

Opsyen	Keretangan	
Opsyen A	1 Hari Cuti Wajib 28 Jun 2017 (Rabu)	Jumaat pelepasan awal , balik jam 12.15 tengahari
Opsyen B	3 Hari Cuti Wajib 28,29,30 Jun 2017 (Jumaat)	Jumaat pelepasan awal , balik jam 12.15 tengahari
Opsyen C	2 Hari Cuti Wajib 23 Jun 2017 (Jumaat) 28 Jun 2017 (Rabu)	
Opsyen D	4 Hari Cuti Wajib 23 Jun 2017 (Jumaat) 28 Jun 2017 (Rabu) 29 Jun 2017 (Khamis) 30 Jun 2017 (Jumaat)	
Opsyen E	Tidak mewajibkan sebarang Cuti Rehat Wajib	

Opsyen Kumpulan Cuti Rehat wajib.

- ii. Berdasarkan kepada statistik permohonan cuti dan keputusan kaji selidik, adalah didapati bahawa;
- a) 66.98% staf telah membuat permohonan cuti;
 - b) Berdasarkan kaji selidik secara rawak, baki sebanyak 33.2% staf yang tidak memohon untuk bercuti, dapat diklasifikasikan bahawa terdapat staf yang tidak berhasrat atau tidak memerlukan Cuti Rehat dalam minggu perayaan tersebut dan atau memerlukan Cuti Rehat untuk suatu perkara yang lebih mustahak.
 - c) Kesimpulan awal yang dapat dilakukan bagi data tersebut adalah:
 - Majoriti staf yang tidak memohon cuti adalah dalam kalangan staf akademik iaitu sebanyak 52% dan dibandingkan dengan staf bukan akademik seramai 48% yang mana mempunyai kelebihan waktu bekerja yang fleksibel;
 - Staf bukan warganegara dan bukan Muslim turut menyumbang kepada peratusan tersebut; dan

- Faktor geografi iaitu pegawai berasal dari kawasan sekitar.
- iii. Berdasarkan trend terdahulu dan sebagai salah satu inisiatif ke arah penjimatan tenaga, adalah disyorkan agar opsyen A dilaksanakan iaitu pegawai di UMP diwajibkan untuk bercuti pada 28 Jun 2017 (Rabu) dan pelepasan awal kepada staf diberikan pada 23 Jun 2017 (Jumaat) atas justifikasi:
- a) Trend terdahulu (3 tahun terakhir) hari terakhir sebelum cuti panjang hari raya staf, diberi pelepasan awal sehingga setengah hari bekerja;
 - b) Mengambil kira kebajikan staf yang mungkin tidak mempunyai baki Cuti Rehat mencukupi atau telah menyimpan baki cuti untuk satu satu perkara mustahak.
 - c) Pelepasan awal adalah bagi membolehkan staf UMP untuk merancang perjalanan dengan lebih baik setelah mendapat rehat yang mencukupi dan seterusnya menjamin keselamatan bersama;
- iv. Adalah disyorkan agar pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada cadangan Cuti Wajib Peristiwa Sempena Hari Raya Aidilfitri 1438H/2017M kepada staf Di Universiti Malaysia Pahang.

DOKUMEN DISEDIAKAN OLEH




(SITI SAKINAH BINTI MOHTAR)

Penolong Pendaftar (Perkhidmatan dan Saraan)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Tarikh : 14/6/2017.....

ULASAN KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

*Adapun telah berdiskusi mengenai / data-data
perencanaan cuti staff dan saat sebelum yang telah*



(HARYANI BINTI ABDULLAH)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Tarikh : 14/6/2017.....

ULASAN PENDAFTAR

Cadangan opsyen A


(ABD HAMID BIN MAJID)

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh: *15/6/17*

KEPUTUSAN YH. NAIB CANSOLOR

Cadangan Cuti Rehat wajib sepanjang minggu perayaan yang diluluskan adalah seperti berikut:

Opsyen A: 1hari (23 Jun, Jumaat pelepasan awal + 28 Jun, Rabu wajib cuti)

Opsyen B: 3 hari (23 Jun, Jumaat pelepasan awal + 28-30 Jun, Rabu-Jumaat wajib Cuti)

Opsyen C: 2 hari (23 Jun, Jumaat & 28 Jun, Rabu wajib cuti)

Opsyen D: 4 hari (23 Jumaat, 28 Rabu, 29 Khamis & 30 Jumaat ,wajib cuti)

Opsyen E: Tidak mewajibkan sebarang Cuti Rehat Wajib


(PROFESOR DATO' DR DAING NASIR IBRAHIM)

Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

Tarikh: *15/6/17*